

Tiada wakil kabinet buktikan kerajaan Pas Terengganu diiktiraf

UM 11. 12. 99

KUALA TERENGGANU 10 |
Dis. Ketiadaan wakil Terengganu dalam kabinet baru yang diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, secara tidak langsung membuktikan Kerajaan Pusat mengiktiraf kerajaan Pas Terengganu.

Menteri Besar Terengganu, Abdul Hadi Awang berkata, ia juga menunjukkan bahawa Kerajaan Pusat menghormati pilihan rakyat Terengganu yang memilih Pas untuk memerintah negeri ini.

Beliau menambah, walaupun wakil Terengganu tidak ada dalam kabinet baru tersebut, kerjasama erat antara kerajaan negeri dan Kerajaan Pusat akan tetap diwujudkan.

Abdul Hadi berkata, kerjasama antara kedua-dua pihak itu boleh dilakukan melalui pelbagai cara demi kesejahteraan dan kebaikan rakyat.

“Walaupun tidak ada wakil Terengganu dalam kabinet baru, saya yakin akan wujud kerjasama antara kerajaan negeri dan Kerajaan Pusat.

“Ini kerana Terengganu adalah salah satu keluarga

yang duduk dalam negara Malaysia.

“Oleh itu tidak ada sebab mengapa tidak boleh wujud kerjasama.. semuanya adalah untuk kepentingan rakyat,” katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Di samping itu Abdul Hadi berharap kabinet baru itu dapat menjadi platform bagi mengukuhkan hubungan antara kerajaan negeri dengan Kerajaan Pusat.

Tambah beliau, kabinet baru itu juga perlu menghapuskan sentimen politik yang wujud sebelum pilihan raya lalu bagi mengelakkan sebarang masalah yang boleh menjejaskan usaha membangunkan negara.

“Hapuskan sentimen politik yang wujud sebelum pilihan raya kerana kita telah pun melalui pilihan raya umum ke-10 secara aman,” katanya.